

Akademika 88(3), September 2018:19-31

<https://doi.org/10.17576/akad-2018-8803-02>

Hubungan Antara Faktor Peramal Dan Kecenderungan Kerjaya Keusahawanan dalam kalangan ahli Program Tunas Niaga

(The Relationship between Predictor Factors and Career Inclination of Entrepreneurship
among Program Tunas Niaga members)

WAN MOHD ZAIFURIN WAN NAWANG, IBRAHIM MAMAT DAN NOR HAYATI SA'AT

ABSTRAK

Program Tunas Niaga (PROTUNe) adalah pendekatan pembudayaan keusahawanan untuk pelajar sekolah menengah. Program ini dilihat berpotensi memenuhi agenda Kerajaan bagi menggalakkan generasi muda cenderung memilih keusahawanan sebagai pekerjaan mereka dan memantapkan ekonomi negara pada masa hadapan. Justeru, pihak Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Terengganu menjadi agen pelaksana PROTUNe peringkat negeri dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melahirkan pelajar sekolah menengah yang mempunyai kecenderungan ke arah kerjaya keusahawanan. Maka tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji hubungan antara faktor peramal dan kecenderungan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar yang menjadi ahli PROTUNe. Pada tahun 2014, terdapat seramai 593 pelajar yang menjadi ahli PROTUNe dari 21 buah sekolah menengah di sekitar pesisir pantai Negeri Terengganu. Namun begitu, kajian ini hanya melibatkan seramai 197 pelajar dalam kalangan ahli PROTUNe dan dipilih secara rawak mudah sebagai responden. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan iaitu borang soal selidik untuk mengumpul data daripada responden. Data responden dianalisis menggunakan Pakej Statistik untuk Sosial Sains (SPSS) melalui analisis deskriptif dan regresi. Kajian ini mendapati sebahagian besar responden sangat cenderung menceburi kerjaya keusahawanan. Manakala personaliti, kemahiran keusahawanan dan kewangan dikenal pasti sebagai faktor peramal yang mempunyai hubungan dengan kecenderungan responden menceburi kerjaya keusahawanan. Oleh itu, pihak kerajaan mesti meneruskan PROTUNe untuk memupuk kecenderungan pelajar ke arah kerjaya keusahawanan supaya mereka sentiasa dekat dengan perniagaan.

Kata kunci: Faktor peramal; kecenderungan; pelajar sekolah menengah; Program Tunas Niaga; kerjaya keusahawanan

ABSTRACT

Program Tunas Negara (PROTUNe) is the entrepreneurship approach for the secondary school students. The program is believed to have the potential to achieve one of the Government's plan to encourage youth to pursue in entrepreneurship and helps to strengthen the Malaysia's economy in future. In the meantime, State Economic Development Corporation is to become doer agency for PROTUNe at state level with the partnership of Ministry of Finance and Ministry of Education to produce secondary school students inclined towards entrepreneurship. Therefore, this study aims to examine the relationship between the predictor factors and career inclination of entrepreneurship among students who are members of PROTUNe. In 2014, 593 students who became PROTUNe members from 21 schools around the coast in Terengganu. However this study only involved a total of 197 students among PROTUNe members and selected randomly as respondents. This study used a survey method of questionnaires to collect data from respondents. Data were analyzed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) through descriptive analysis and regression. This study found that most respondents are very inclined to involved in the entrepreneurship career. Meanwhile personality, entrepreneurship skill and financial is identified predictor factor that has a relationship with the inclination

of respondents to involved in the entrepreneurship career. Therefore, the Government must continue the PROTUNE to nurture the inclination of students towards entrepreneurship careers so that they are always close to the business.

Keywords: Predictive factors; inclination; secondary school students; Program Tunas Niaga; entrepreneurial career

PENDAHULUAN

Negeri Terengganu merupakan salah sebuah negeri yang terletak dalam kawasan pantai timur Semenanjung Malaysia. Negeri Terengganu juga sebuah negeri pesisir pantai mengadap Laut Cina Selatan yang terkenal dengan keindahan rangkaian kepulauan (seperti Kapas, Redang dan Perhentian) dan makanan tradisinya (seperti keropok lekor dan nasi dagang). Kegiatan utama negeri Terengganu ialah perikanan kerana lokasinya yang terletak di pesisir pantai Laut China Selatan. Penemuan minyak dan gas pada tahun 1974 membawa perubahan yang drastik terhadap sosial dan ekonomi Negeri Terengganu. Penemuan ini menyebabkan Negeri Terengganu menikmati pembangunan pesat bersama-sama industri petrokimia dan aktiviti ekonomi kecil dan sederhana.

Penemuan sumber minyak dan gas juga memudahkan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) untuk mempercepatkan pembangunan dan kemajuan sosial dan ekonomi. Kerajaan Negeri Terengganu menubuhkan PMINT pada 1 April, 1965 di bawah Enakmen Kerajaan Negeri Terengganu (Bil.3/1965) sebagai sebuah agensi utama negeri untuk membangun dan memajukan sosial dan ekonomi. Agensi ini mendukung matlamat Dasar Ekonomi Baru (1970-1990) untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Agensi ini juga secara aktif menjayakan Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000). Objektif penubuhan PMINT ialah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, meningkatkan aktiviti ekonomi, pembangunan sumber tenaga manusia, memesatkan rancangan pembangunan bandar dan luar bandar serta memperkukuhkan asas ekonomi bumiputera yang bertujuan melahirkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu, 2013).

Ketika usaha Kerajaan untuk melahirkan usahawan muda berjaya dan berpengetahuan mengikut Pelan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera, Program Tunas Niaga (PROTUNE) diperkenalkan di Negeri Terengganu dan PMINT menjadi agen pelaksana peringkat negeri dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu dan Yayasan Terengganu (Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu, 2014). Program ini merupakan penjenamaan semula Program Usahawan Muda yang telah dilaksanakan sejak tahun 1989 di bawah unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. Pada tahun 1990, pengurusan program ini dipindahkan di bawah Kementerian Perusahaan Awam dan berpindah ke Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi sehingga dari tahun 1995 hingga 2007. Kemudian pada tahun 2007 sehingga 2013, pengurusan program ini diletakkan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Program ini berada di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia bermula tahun 2014 dan menjalin persefahaman serta mendapat pembiayaan Kementerian Kewangan (Program Tunas Niaga, 2014). Salah satu penyebab program ini sering bertukar tempat adalah kerana Kerajaan menyusun semula kementerian.

PENYATAAN MASALAH

Program pembangunan keusahawanan yang dilaksanakan bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (2000-2005) adalah bertujuan untuk memupuk potensi dan bakat keusahawanan dalam kalangan belia agar membolehkan mereka menyertai perniagaan secara aktif dan cenderung bekerja sendiri. Bagi mencapai tujuan ini, maka institusi latihan seperti Institut Keusahawanan Belia Negara menganjurkan latihan, seminar dan kursus

jangka pendek serta menyediakan khidmat nasihat kepada usahawan muda dan baharu. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, terdapatseramai 79,740 belia di peringkat negeri dan daerah mendapat manfaat daripada program ini. Manakala di peringkat sekolah menengah pula, Kerajaan telah mengambil langkah untuk memupuk semangat dan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah. Program Usahawan Muda yang melibatkan penubuhan kiosk dilaksanakan di sekolah dengan kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Aktiviti kokurikulum yang menggabungkan unsur keusahawanan juga dilaksanakan (Unit Perancang Ekonomi 2006).

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010) pula, kerajaan memberi tumpuan kepada latihan kemahiran dan pembangunan keusahawanan bagi menggalakkan belia bekerja sendiri. Mereka dilatih menjadi belia berdaya tahan dan berupaya menghadapi cabaran dalam persekitaran yang bersaing melalui latihan pekerjaan dan pendedahan kepada situasi kerja sebenar. Di samping itu, Kerajaan juga menyediakan peluang perniagaan baharu kepada belia melalui kerjasama strategik bersama syarikat swasta dan entiti yang diswastakan supaya selaras dengan objektif untuk mewujudkan dan menubuhkan komuniti belia perdagangan dan perindustrian (Unit Perancang Ekonomi 2006).

Walaupun pelbagai langkah dan rancangan telah diperkenalkan oleh Kerajaan untuk meningkatkan bilangan penduduk menceburi kerjaya keusahawanan, namun timbul persoalan mengapakah laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2009) mendapati peratusan usahawan di Malaysia agak kecil iaitu tidak melebihi 26 peratus daripada keseluruhan penduduk bekerja dalam tempoh 25 tahun? Peratusan tersebut juga didapati menunjukkan arah aliran yang menurun daripada 25.1 peratus (1982) kepada 20.9 peratus (2008). Penyertaan penduduk bekerja sebagai usahawan yang rendah secara tidak langsung memberi gambaran rakyat di Malaysia kurang cenderung menceburi kerjaya keusahawanan dan lebih memilih bekerja di sektor awam atau swasta. Malahan, penduduk yang menceburi kerjaya keusahawanan adalah dalam kalangan mereka berumur 45 tahun hingga 64 tahun.

Penyertaan generasi muda yang rendah dalam kerjaya keusahawanan memberi kesan kepada kadar pengangguran golongan remaja di Malaysia. Berdasarkan kepada laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2011) mendapati pencari kerja lepasan Sijil Pelajaran Malaysia masih menunggu pekerjaan adalah sebanyak 28.9 peratus (2006) 30.0 peratus (2007), 26.0 peratus (2008), 35.0 peratus (2009) dan 31.9 peratus (2010). Bagi kumpulan umur 15 tahun hingga 19 tahun yang masih belum mendapat pekerjaan pula adalah sebanyak 6.7 peratus (2006), 7.1 peratus (2007), 7.6 peratus (2008), 10.0 peratus (2009) dan 8.9 peratus (2010). Malah, kadar remaja yang masih belum mendapat pekerjaan adalah lebih tinggi dari purata pengangguran di peringkat kebangsaan iaitu sebanyak 3.5 peratus (2005), 3.3 peratus (2006), 3.2 peratus (2007), 3.3 peratus (2008) dan 3.7 peratus (2009).

Justeru itu, adalah penting satu kajian perlu dijalankan untuk mengetahui mengapa generasi muda terutama remaja kurang cenderung menceburi kerjaya keusahawanan. Analisis awal mengenai keusahawanan di sekitar pesisir pantai Negeri Terengganu mendapati tiada kajian telah dijalankan untuk mengkaji hubungan antara faktor peramal dan kecenderungan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah yang mengikuti Program Tunas Niaga (PROTUNe). Oleh itu, kajian ini memberi tumpuan kepada hubungan antara faktor peramal dan kecenderungan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar yang masih mengikuti PROTUNe di sekolah menengah sekitar pesisir pantai Negeri Terengganu. Maka kajian ini mempunyai objektif seperti berikut i) mengkaji profil ahli PROTUNe; ii) mengukur tahap kecenderungan kerjaya keusahawanan dalam kalangan ahli PROTUNe; dan iii) menentukan hubungan antara faktor peramal dan kecenderungan kerjaya keusahawanan dalam kalangan ahli PROTUNe.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dapat mengembangkan pemahaman yang terhad dan wujud disekitar persoalan mengapa sesetengah ahli Program Tunas Niaga (PROTUNe)

cenderung menceburi kerjaya keusahawanan dan sebahagian lagi memberi tumpuan pekerjaan lain. Diharapkan hasil kajian ini membawa kepada mewujudkan pandangan yang lebih realistik keperluan dalam kalangan ahli program tentang kerjaya keusahawanan dan menukarkan mengikut perspektif semasa kerana menurut Chigunta (2002) individu berumur antara 15 tahun hingga 19 tahun berada di peringkat pra usahawan. Peringkat ini juga dinamakan formatif iaitu peralihan daripada ilmu pengetahuan kepada persekitaran kerja. Pada peringkat umur ini, ahli program boleh dipupuk dengan kecenderungan dan diberikan alat yang betulakan membolehkan mereka mengatasi pelbagai kekangan sedia ada sekiranya mahu menjadi usahawan muda pada masa hadapan.

Selain itu, hasil kajian ini juga boleh digunakan sebagai rujukan oleh pihak Kerajaan persekutuan dan negeri untuk mengetahui perkembangan PROTUNe di sekolah menengah. Oleh itu, apabila PROTUNe diperkenalkan Kerajaan di sekolah menengah, maka perlu ada analisis dan kajian untuk melihat tahap pencapaian matlamat penubuhan program ini. Jika timbul kegagalan dalam pelaksanaan program ini, terdapat bahaya matlamat penubuhannya tidak ditangani dengan baik. Selain itu, guru pembimbing juga tiada maklumat asas yang lengkap untuk membangunkan strategi pengajaran sesuai bagi memupuk kecenderungan ahli program. Maka guru pembimbing berkemungkinan akan menghadapi kesukaran mencapai matlamat penubuhan program kerana tiada kaedah yang sesuai untuk menilai pembelajaran anak didik mereka. Hal ini boleh menyebabkan guru pembimbing mempunyai keengganan yang tinggi untuk menukar cara pengajaran mereka tanpa ada bukti mencukupi.

Hasil kajian ini jugapenting kerana dapat membantu kerajaan membendung krisis pengangguran dan menjana pertumbuhan ekonomi. Kajian ini dapat memberi pengetahuan kepada Kerajaan untuk mengetahui bakat yang ada dalam kalangan ahli PROTUNe. Bakat ini boleh digunakan Kerajaan sebagai jentera ekonomi negara yang baharu pada masa hadapan. Aktiviti keusahawanan melalui penciptaan usahawan baharu merupakan satu mekanisme menambah baik agihan pendapatan, merangsang pertumbuhan dan membentuk semula struktur ekonomi adalah sangat penting dalam sebuah negara membangun seperti Malaysia kerana masa kini terlalu bergantung kepada kegiatan syarikat besar. Maka kemunculan lebih ramai

usahawan baharu adalah sangat penting kepada kesihatan ekonomi Malaysia untuk memenuhi keperluan dan menambahkan pilihan produk dan perkhidmatan dalam pasaran. Oleh itu, masyarakat mempunyai lebih banyak pilihan barangan asas dan mewah yang akan dihasilkan usahawan baharu. Jelaslah bahawa usahawan baharu dapat memenuhi keperluan dan memberi kepuasan yang maksimum kepada masyarakat.

TEORI KAJIAN


Kerajaan menggalakkan remaja menceburi kerjaya keusahawanan kerana pekerjaan tersebut mampu memberi kekayaan pada diri sendiri dan dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Di samping itu juga, kejayaan Kerajaan melahirkan lebih ramai usahawan muda lepasan sekolah menengah dapat mengurangkan pengangguran dalam kalangan mereka dan menawarkan peluang pekerjaan kepada masyarakat. Namun demikian, tidak ramai remaja mempunyai kecenderungan bekerja dalam kerjaya keusahawanan. Kajian ini secara asasnya menggunakan Teori Tingkah Laku Terancang yang diperkenalkan oleh Ajzen (1991) untuk mengkaji hubungan antara faktor peramal dan kecenderungan kerjaya keusahawanan dalam kalangan ahli Program Tunas Niaga (PROTUNe). Teori ini dipilih kerana menurut Kolvereid (2016) kebanyakan kajian mengenai kecenderungan keusahawanan menggunakan Teori Tingkah Laku Terancang yang diperkenalkan oleh Ajzen (1991). Teori ini mengatakan individu perlu membuat keputusan sama ada mahu mengikut kecenderungan atau sebaliknya terlebih dahulu sebelum melaksanakan tingkah laku. Justeru itu, individu yang mempunyai kecenderungan kuat untuk terlibat dalam melaksanakan tingkah laku menjadi semakin gigih berusaha.

Teori ini juga mengandaikan ada tiga pembolehubah bebas yang menjadi penentu kepada kecenderungan individu. Pembolehubah pertama ialah sikap terhadap tingkah laku. Dalam teori ini, sikap terhadap tingkah laku merupakan pembolehubah penting untuk melihat penilaian peribadi akibat kelakuan mungkin dilakukan individu termasuklah kecenderungan kerjaya keusahawanan dengan mengira kebaikan dan keburukan. Pembolehubah kedua ialah faktor norma sosial yang dikenali juga sebagai subjektif.

Pembolehubah ini merujuk kepada sejauh mana penerimaan individu terhadap pandangan ibu bapa, saudara-mara, rakan-rakan dan rakan sekerja sama ada ingin atau tidak melaksanakan tingkah laku keusahawanan. Oleh itu, norma sosial atau subjektif boleh meningkat akibat tekanan daripada ibu bapa, saudara-mara, rakan-rakan dan rakan sekerja.

Pembolehubah ketiga pula ialah darjah kawalan tingkah laku. Pembolehubah ini merujuk kepada kesenangan atau kesukaran individu untuk melakukan tingkah laku akibat daripada pengalaman lepas, halangan dan rintangan yang bakal dilalui. Oleh itu, jika individu mempunyai keyakinan yang tinggi mengenai kemampuan untuk melaksanakan tingkah laku, maka kecenderungan menjadi semakin kuat melaksanakannya. Oleh itu,

teori ini mengatakan individu mempunyai sikap, norma sosial atau subjektif dan kawalan tingkah laku yang baik mampu mempunyai kecenderungan pada tahap tinggi untuk melakukan sesuatu perkara. Maka hubungan kait antara pembolehubah dalam Teori Tingkah Laku Terancang Ajzen (1991) ditunjukkan sepertimana pada Rajah 1. Berdasarkan kepada Rajah 1 tersebut, kajian ini tidak menggunakan kesemua pembolehubah yang terdapat dalam Teori Tingkah Laku Terancang Ajzen (1991) kerana hanya melibatkan sikap terhadap tingkah laku, norma sosial atau subjektif, darjah kawalan tingkah laku dan kecenderungan kerana ahli PROTUNE masih lagi belajar di sekolah menengah dan belum memiliki syarikat perniagaan sendiri.



RAJAH 1. Teori Tingkah Laku Terancang Ajzen (1991)

SOROTAN LITERATUR

Berdasarkan kepada maklumat sedia ada yang diperoleh penyelidik melalui media perantara (dicatatkan oleh orang lain) mendapati kecenderungan pelajar sekolah menengah ke arah kerjaya keusahawanan berada pada tahap berbeza. Kajian yang dijalankan oleh Asri (2007) mendapati sikap pelajar Melayu di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Uda Daerah Johor Bahru terhadap kerjaya keusahawanan berada pada tahap sederhana. Manakala kajian Zaidatol dan Hisyamuddin (2009) mendapati pelajar tingkatan empat sekolah menengah di Negeri Selangor cenderung memilih kerjaya lain kerana tidak mempunyai minat menjadi usahawan. Hasil kajian Zaidatol dan Hisyamuddin (2009) mendapati majoriti (52.6 peratus) pelajar tidak mempunyai aspirasi keusahawanan. Namun begitu, hasil kajian Tih et al. (2009) tidak menyamai dapatan Zaidatol dan Hisyamuddin (2009) kerana

pelajar tingkatan satu dan dua di sebuah sekolah menengah Bandar Baru Bangi di Negeri Selangor mempunyai kecenderungan menceburi kerjaya keusahawanan pada tahap tinggi kerana mereka menganggap memiliki perniagaan sendiri boleh memberi pendapatan yang baik.

Sorotan lampau telah mengenal pasti hubungan antara faktor peramal dan kecenderungan individu terutama remaja menceburi kerjaya keusahawanan. Kajian Nurdan dan Izlem (2016) mendapati sikap pelajar sekolah vokasional yang mengikuti kursus keusahawanan di Istanbul, Turki mempunyai keperluan pencapaian, inovatif dan lokus kawalan cenderung menjadi usahawan. Hasil kajian ini mendapati personaliti secara signifikan mempengaruhi kecenderungan pelajar ke arah kerjaya keusahawanan. Kajian lain yang dijalankan oleh Ahu (2016) mendapati personaliti siswazah institut sains sosial universiti di Istanbul, Turki mempunyai kecenderungan kepada kerjaya keusahawanan. Hal ini kerana siswazah yang mempunyai lokus kawalan dalaman cenderung

kepada kerjaya keusahawanan dan memilih menjadi usahawan. Malahan, mereka percaya keputusan dan tindakan menjalankan perniagaan boleh menjadikan diri seorang yang berjaya.

Selain itu, Zaidatol dan Hisyamuddin (2009) pula mengkaji kecenderungan pemilihan bekerja sendiri dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Negeri Selangor. Hasil kajian mendapati ibu bapa pelajar menjadi model peranan yang baik kerana memimpin anak-anak mereka ke arah kerjaya keusahawanan. Hasil kajian mereka menyamai penemuan Godsey dan Sebor (2010). Kajian mereka mendapati pelajar sekolah tinggi Oklahoma di Negara Amerika Syarikat menjadikan usahawan sedia ada sebagai model peranan. Model peranan membantu pelajar melihat kerjaya keusahawanan secara lebih jelas dan memahami tingkah laku yang diperlukan sebelum berjaya mewujudkan sebuah perniagaan baru.

Di samping itu, norma sosial juga menjadi pendorong individu menceburi kerjaya keusahawanan. Kajian Zarina dan Zuraida (2016) mendapati majoriti (50 peratus) usahawan wanita di Pulau Pinang yang menjadi responden dalam kajiannya tidak menghadiri kursus atau latihan berkaitan perniagaan. Kajian ini mendapati mereka banyak bergantung kepada nasihat ahli keluarga berbanding institusi berkaitan keusahawanan yang disediakan oleh pihak Kerajaan. Malahan, sokongan keluarga telah menjadi pendorong utama mereka ke arah kerjaya keusahawanan.

Sorotan literatur turut mendapati pengenalan sosial memainkan peranan yang penting kepada kecenderungan individu. Dalam erti kata lain, sejauh mana individu melihat diri lebih atau kurang dihargai masyarakat akan memberi kesan kepada hasrat dirinya untuk menjadi usahawan. Kajian Rantanen et al. (2015) mendapati kepercayaan masyarakat meningkatkan keyakinan pelajar sekolah menengah di Finland tentang kebolehan dirinya untuk menghadapi dan berjaya sebagai usahawan. Namun begitu, kepercayaan masyarakat tidak meningkatkan keperluan pelajar sekolah menubuhkan perniagaan sendiri. Mereka melihat keusahawanan sebagai satu bahagian yang penting dalam struktur masyarakat dan institusi tetapi tidak mahu memiliki perniagaan sendiri.

Penelitian ke atas dapatan kajian lalu juga mendapati pendidikan melalui latihan dan bimbingan dapat memberikan pengetahuan dan pendedahan keusahawanan kepada individu.

Kajian yang dijalankan oleh Buerah dan Zoolhilm (2015) mendapati majoriti usahawan belia Bumiputera Muslim berpendapat program latihan keusahawanan boleh membantu menambah ilmu pengetahuan dan mengubah cara mereka berfikir. Malahan, kajian ini juga mendapati kekurangan aktiviti atau pendedahan keusahawanan yang bersifat praktikal merupakan antara faktor penyebab usahawan dengan tahap pendidikan lebih rendah mempunyai orientasi sikap keusahawanan tinggi. Oleh itu, faktor peluang pendidikan formal yang terbatas menyebabkan mereka lebih terdedah atau terlibat langsung lebih awal dalam kerjaya keusahawanan.

Seterusnya kajian yang dijalankan oleh Kolvereid (2016) pula mendapati pendidikan dan latihan dapat memberi kemahiran keusahawanan yang berpotensi melahirkan usahawan. Oleh itu, individu yang mempunyai kemahiran keusahawanan menyumbang dengan ketara kepada kecenderungan memulakan perniagaan. Manakala kajian lain yang dijalankan oleh Oguntimehin dan Olaniran (2017) juga mendapati pendidikan keusahawanan secara positif mempengaruhi kecenderungan keusahawanan mahasiswa tahun akhir universiti awam di Negeri Ogun, Nigeria. Pendidikan keusahawanan telah melengkapkan mahasiswa dengan kemahiran untuk membantu mereka menjadi usahawan kerana mereka diajar cara mengurus syarikat dan mengurangkan halangan risiko. Hasilnya mahasiswa lebih suka bekerja sendiri dan mengurangkan pengangguran dalam kalangan belia disebabkan oleh kekurangan jawatan kosong di sektor awam dan swasta.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Ravi dan Nor Aishah (2016) mendapati kewangan memberi pengaruh kepada kecenderungan individu menceburi kerjaya keusahawanan. Kajian mereka mendapati mahasiswa India sangat cenderung memilih kerjaya keusahawanan kerana memberi sumber kewangan yang boleh memberi pendapatan baik. Oleh itu, mereka percaya penglibatan dalam kerjaya keusahawanan boleh mengubah keadaan hidup dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Selain itu, ada kajian membuktikan individu suka bekerja di persekitaran bebas dari sekatan, penyeliaan yang rapi dan gemar mencari penyelesaian sendiri untuk menyelesaikan masalah cenderung menceburi kerjaya keusahawanan. Kajian yang dijalankan oleh Pamela (2010)

mendapati pelajar sekolah tinggi di Bandar Illigan di Negara Filipina beranggapan memulakan perniagaan membolehkan mereka dapat melaksanakan idea tanpa gangguan, menentukan waktu kerja dan mempunyai kawalan penuh kerana menjadi bos di syarikat milik sendiri. Hasil kajian ini juga mendapati pelajar lebih mempertimbangkan aktualisasi diri berbanding beberapa faktor ekstrinsik pekerjaan atau kerjaya. Pelajar mendapat manfaat dan nilai yang mereka kehendaki dengan memulakan perniagaan sendiri. Manakala kajian Mohd Hizam et al. (2016) mendapati kerjaya keusahawanan memberi ruang kebebasan menjalankan pekerjaan menyebabkan individu menjadi usahawan perusahaan kecil dan sederhana. Namun begitu, faktor kebebasan tidak memberi pengaruh yang signifikan terhadap kecenderungan usahawan untuk melabur dalam perniagaan mereka pada masa akan datang. Puncanya ialah jika usahawan melakukan lebih banyak pelaburan mungkin menyebabkan operasi dan saiz perniagaan menjadi bertambah besar yang akhirnya hilang kawalan atau kebebasan berjalan dan menguruskan syarikat.

Secara keseluruhannya, bagi tujuan kajian ini Teori Tingkah Laku Terancang Ajzen (1991) digunakan bersama dengan dapatan penyelidik terdahulu adalah untuk mencapai objektif. Cantuman teori dan dapatan penyelidik terdahulu adalah melibatkan sikap terhadap tingkah laku (faktor peramal personaliti), norma sosial atau subjektif (faktor peramal norma dan pengenalan sosial) dan darjah kawalan tingkah laku (faktor peramal model peranan, kewangan, pengetahuan dan kemahiran serta kebebasan) dan kecenderungan (kecenderungan kerjaya keusahawanan). Akhirnya, kajian ini dijangka bukan sahaja boleh mengetahui tahap kecenderungan kerjaya keusahawanan dalam kalangan ahli Program Tunas Niaga, malahan dapat menentukan faktor peramal yang mempengaruhi mereka supaya cenderung terhadap kerjaya keusahawanan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan kerana memberi beberapa kebaikan kepada penyelidik. Menurut Kerlinger (1973) kaedah tinjauan merupakan satu bentuk pengutipan maklumat yang dirancang untuk meramal, membuat

pemerihalan dan menganalisis hubungan antara pembolehubah serta boleh diuruskan secara besar-besaran (Ahmad Mahzan 2002). Kajian ini juga menggunakan kaedah kuantitatif supaya penemuan dapat digunakan untuk menerangkan fenomena permasalahan penyelidikan. Menurut Chua (2006) cara kuantitatif mendapatkan maklumat adalah melalui instrumen kajian iaitu borang soal selidik. Kaedah ini berkesan dalam mekanisme mengutip dan mengetahui maklumat kajian yang diperlukan bagi mengukur pembolehubah.

Kajian ini dijalankan di sekolah menengah yang terletak dipesisiran pantai Negeri Terengganu. Sekolah ini dipilih kerana lokasinya mempunyai potensi pelancongan pantai dan pulau, hasil perikanan dan petroleum yang berupaya meningkatkan aktiviti Industri Kecil dan Sederhana berasaskan penginapan, makanan, kraftangan, hasil laut dan petrokimia. Lokasi ini mampu berkembang lebih rancak sekiranya generasi muda yang tinggal di sepanjang pesisir pantai dapat mengambil manfaat peluang keusahawanan dengan cara mengeksploitasi sumber sedia ada dengan menjalankan pelbagai jenis perniagaan seperti menjual makanan dan hasil laut, kraftangan dan rumah penginapan. Tambahan pula, generasi muda di lokasi kajian ini boleh merebut peluang yang dirancang oleh Kerajaan Negeri Terengganu (2006) menerusi Rancangan Struktur Negeri Terengganu 2020 melalui penetapan insentif dan dasar Kerajaan bagi menyediakan 25,000 peluang pekerjaan dan mewujudkan usahawan baharu. Rancangan ini secara tidak langsung memberikan peluang kepada generasi muda untuk meningkatkan pendapatan dan kehidupan mereka menerusi kerjaya keusahawanan.

Populasi kajian ini pada tahun 2014 iaitu pelajar yang menjadi ahli atau mengikuti Program Tunas Niaga (PROTUNE) di 21 buah sekolah menengah dalam lokasi penyelidikan adalah seramai 593 orang (Guru Pembimbing Program Tunas Niaga, 2014). Namun begitu, kajian ini hanya melibatkan sampel seramai 210 pelajar yang menjadi ahli PROTUNE di 21 buah sekolah. Mereka dipilih secara rawak mudah sebagai responden kajian ini mengikut penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970).

Dari segi pengumpulan maklumat pula, kajian ini mengambil sumber primer dan sekunder. Data primer merupakan sumber asli yang diperolehi sendiri penyelidik di lapangan menerusi instrumen iaitu borang soal selidik. Pembentukan item

kenyataan dalam borang soal selidik kajian ini adalah berdasarkan kepada Teori Tingkah Laku Terancang Ajzen (1991) dan instrumen penyelidik terdahulu seperti Godsey dan Sebora (2010). Item kenyataan ini melalui beberapa tahap pemurnian sebelum dapat digunakan dalam kajian rintis dan sebenar. Kesemua item kenyataan berbentuk respon skala likert satu hingga lima mata iaitu (1) sangat tidak setuju; (2) tidak setuju; (3) tidak pasti; (4) setuju dan (5) sangat setuju. Data sekunder pula adalah maklumat yang dikumpul oleh agensi atau penyelidik lain untuk memenuhi tujuan mereka, tetapi digunakan dalam kajian ini. Data sekunder sangat bermanfaat kerana dapat memperjelaskan masalah kajian ini dan memberi pengetahuan lebih baik dari dapatan lepas yang mirip dengan penyelidikan.

Kajian rintis dijalankan pada bulan Jun 2014 selama sehari di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Abdul Malek hanya melibatkan seramai 15 orang pelajar kerana menurut Mohamad Najib (1999) saiz sampel rintis tidak perlu ramai (enam hingga sembilan orang) memadai untuk memenuhi tujuan kajian awal. Pelajar terlibat dalam kajian rintis ini terdiri daripada dua orang lelaki dan 13 orang perempuan yang menjadi ahli PROTUNe. Kesemua pelajar ini tidak dilibatkan dalam kajian sebenar sebagai sampel. Hasil kajian rintis mendapati nilai pekali Alpha Cronbach di Bahagian B iaitu faktor-faktor peramal ialah 0.95 (pembolehubah tidak bersandar). Manakala nilai pekali Alpha Cronbach di Bahagian C iaitu kecenderungan ahli PROTUNe menceburi kerjaya keusahawanan ialah 0.83 (pembolehubah bersandar). Hasil kajian rintis ini mendapati item kenyataan borang soal selidik mempunyai tahap kebolehppercayaan yang tinggi dan sesuai digunakan dalam kajian sebenar kerana melebihi had minimum 0.70 sepertimana disyorkan oleh Fraenkel dan Wallen (2006).

Data yang diperolehi dari kajian sebenar dianalisis menggunakan program Pakej Statistik untuk Sosial Sains (SPSS). Data yang diperolehi dianalisis menggunakan statistik deskriptif untuk menghuraikan ciri profil dan tahap kecenderungan ahli Program Tunas Niaga menceburi kerjaya keusahawanan. Kajian ini juga menggunakan analisis statistik inferensi iaitu Analisis Regresi Pelbagai untuk menghuraikan hubungan antara pembolehubah tidak bersandar dan bersandar.

DAPATAN KAJIAN

PROFIL RESPONDEN

Hasil analisis deskriptif terhadap profil responden mendapati sebahagian besar (143 orang atau 72.58 peratus) pelajar yang terlibat dalam kajian ini sedang belajar di Tingkatan Empat. Hasil analisis juga mendapati majoriti (151 orang atau 76.65 peratus) responden yang terlibat dalam kajian ini ialah pelajar perempuan. Dari segi pencapaian akademik pula, majoriti (82 orang atau 41.62 peratus) responden memperoleh keputusan antara Tiga A hingga Empat A dalam peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR). Selain itu, hampir kesemua (170 orang atau 86.29 peratus) responden dalam kajian ini telah mengambil peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Malahan, terdapat ramai (51 orang atau 30 peratus) dalam kalangan responden yang mengambil peperiksaan PMR mendapat keputusan Tujuh A dan ke atas. Justeru itu, tidak hairanlah majoriti (81 orang atau 47.65 peratus) responden memperoleh pencapaian yang baik dalam peperiksaan PMR memilih mengikuti aliran Sains.

Selain itu, hasil analisis deskriptif mendapati sebahagian besar (187 orang atau 94.92 peratus) responden pernah melabur dalam PROTUNe. Malahan, terdapat ramai (148 orang atau 75.13 peratus) dalam kalangan responden aktif menghadiri diri mengikuti program ini yang diadakan pada hari Selasa setiap minggu dan aktiviti luar kelas. Maka tidak hairanlah majoriti (44 orang atau 22.33 peratus) responden ingin menceburi kerjaya keusahawanan. Dari segi pekerjaan bapa pula, majoriti (66 orang atau 33.50 peratus) responden mempunyai bapa bekerja dalam sektor awam. Manakala majoriti (112 orang atau 56.85 peratus) ibu responden terlibat dalam lain-lain pekerjaan terutama bekerja tanpa gaji (suri rumahtangga). Dalam masa yang sama, majoriti (136 orang atau 69.04 peratus) responden mempunyai adik-beradik atau ahli keluarga tidak melibatkan diri dalam kerjaya keusahawanan.

TAHAP KECENDERUNGAN KERJAYA KEUSAHAWANAN

Kajian ini mendapati sebahagian besar (142 orang atau 72.08 peratus) responden mempunyai kecenderungan menceburi kerjaya keusahawanan

di tahap tinggi. Manakala sebahagian kecil (55 orang atau 27.92 peratus) responden mempunyai kecenderungan menceburi kerjaya keusahawanan di tahap sederhana. Dalam masa yang sama, kajian ini juga mendapati tiada responden mempunyai kecenderungan menceburi kerjaya keusahawanan di tahap rendah. Tahap kecenderungan kerjaya keusahawanan adalah berdasarkan kepada jumlah skor yang diperolehi responden dengan dibahagikan kepada tiga tahap iaitu: rendah (1 hingga 35.00), sederhana (35.01 hingga 70.01) dan tinggi (70.02 hingga 105.00). Pengiraan skor mengikut tahap ini adalah berdasarkan kepada Gadzella (1991) dalam Hanina, Tan dan Jumali (2010).

HUBUNGAN FAKTOR PERAMAL DAN KECENDERUNGAN KERJAYA KEUSAHAWANAN

Hasil Analisis Regresi Pelbagai mendapati nilai R^2 sebanyak 0.39 menunjukkan 39 peratus perubahan dalam kecenderungan responden menceburi kerjaya keusahawanan adalah kerana sumbangan kombinasi faktor peramal. Hasil Analisis Regresi Pelbagai juga mendapati wujud tiga faktor peramal iaitu personaliti ($b = 0.15$, $p < 0.05$), kemahiran keusahawanan ($b = 0.23$, $p < 0.01$) dan kewangan ($b = 0.15$, $p < 0.05$) mempengaruhi kecenderungan responden menceburi kerjaya keusahawanan kerana nilai signifikan masing-masing kurang daripada 0.05. Di antara tiga faktor peramal tersebut, didapati kemahiran keusahawanan paling kuat mempengaruhi kecenderungan responden menceburi kerjaya keusahawanan kerana nilai beta lebih tinggi ($b = 0.23$) berbanding personaliti ($b = 0.15$) dan kewangan ($b = 0.15$). Manakala lima faktor peramal lain dalam kajian ini iaitu model peranan ($b = 0.02$, $p > 0.05$), norma sosial ($b = 0.11$, $p > 0.05$), pengenalan sosial ($b = 0.15$, $p > 0.05$), pengetahuan keusahawanan ($b = 0.15$, $p > 0.05$) dan kebebasan ($b = 0.06$, $p > 0.05$) tidak mempengaruhi kecenderungan responden menceburi kerjaya keusahawanan memandangkan nilai signifikan masing-masing melebihi 0.05.

PERBINCANGAN

Hasil kajian ini mendapati pelajar yang menjadi ahli Program Tunas Niaga (PROTUNE) di sekolah menengah Negeri Terengganu cenderung menceburi kerjaya keusahawanan kerana

beranggapan bekerja menjalankan perniagaan membolehkan mereka mendapat sumber rezeki untuk menyara diri dan keluarga. Hasil kajian ini hampir menyamai penemuan Tih et al. (2009) kerana pelajar tingkatan satu dan dua di sebuah sekolah menengah Bandar Baru Bangi di Negeri Selangor mempunyai kecenderungan menceburi kerjaya keusahawanan pada tahap tinggi kerana mereka menganggap memiliki perniagaan sendiri boleh memberi pendapatan yang baik.

Kajian ini bersetuju Teori Tingkah Laku Terancang yang diperkenalkan Ajzen (1991) mengatakan darjah kawalan tingkah laku (seperti kesenangan atau kesukaran individu untuk melakukan tingkah laku akibat pengalaman lepas, halangan dan rintangan yang bakal dilalui) mempengaruhi kecenderungan individu menceburi kerjaya keusahawanan. Hasil kajian ini mendapati kemahiran keusahawanan yang diperolehi responden ketika mengikuti PROTUNE merupakan faktor peramal paling kuat mempengaruhi kecenderungan mereka. Kemahiran yang diperolehi responden ketika mengikuti PROTUNE dapat membantu mereka memahami serba sedikit tentang perniagaan. Latihan secara amali selama sembilan bulan dan terlibat dalam aktiviti jualan makanan, air minuman dan cenderahati di kiosk mendedahkan mereka secara teratur kepada kehidupan sebenar dunia keusahawanan. Program ini juga mengajar ahli PROTUNE menyediakan pelan dan mengurus perniagaan serta berkomunikasi dengan baik supaya mampu meyakinkan pihak lain berurusan dengan mereka. Maka tidak hairanlah responden yang mengikuti PROTUNE memperoleh kemahiran berharga dan membolehkan mereka mempunyai masa depan lebih baik berbanding rakan-rakan di luar program ini walaupun bakal memiliki kelulusan akademik serupa. Hasil kajian ini menyamai penemuan yang diperolehi Kolvereid (2016) dan Oguntimehin dan Olaniran (2017). Hasil kajian mereka mendapati kemahiran keusahawanan merupakan faktor penting kerana boleh mempengaruhi kecenderungan individu menceburi kerjaya keusahawanan.

Berdasarkan kepada hasil kajian ini juga didapati kewangan adalah faktor peramal yang dilihat penting bagi responden apabila ingin menceburi kerjaya keusahawanan. Hal ini menyebabkan responden berhati-hati memilih pekerjaan agar kerjaya yang diceburi memberi sumber kewangan memuaskan. Peluang

menjalankan perniagaan sendiri di sekolah memberi kesempatan kepada mereka untuk melihat sendiri hasil usaha niaga yang mampu menjana kewangan dan keuntungan syarikat. Justeru itu, mereka menyedari menjalankan perniagaan sendiri pada masa hadapan berupaya memberikan ganjaran kewangan yang lebih lumayan berbanding menjadi pekerja di bawah syarikat orang lain kerana pendapatan dari usaha niaga boleh menghasilkan keuntungan dan persediaan persaraan.

Kajian ini juga bersetuju Teori Tingkah Laku Terancang yang diperkenalkan Ajzen (1991) mengatakan faktor sikap iaitu personaliti mempengaruhi kecenderungan individu menceburi kerjaya keusahawanan. Hal ini berlaku kerana pemikiran responden kajian berkait rapat dengan tindak-tanduk seorang usahawan seperti mempunyai keazaman dan keyakinan diri yang positif untuk menceburi kerjaya keusahawanan. Selain itu, mereka juga sanggup melibatkan diri, meluangkan masa, mengorbankan tenaga dan memiliki semangat kental untuk memastikan kejayaan perniagaan yang dijalankan di sekolah. Oleh itu, personaliti yang dimiliki responden menjadi faktor peramal penting mempengaruhi kecenderungan mereka menceburi kerjaya keusahawanan. Hasil kajian ini menyamai penemuan Nurdan dan Izlem (2016) dan Ahu (2016) kerana hasil dapatan mereka juga mendapati personaliti mempunyai hubungan dengan kecenderungan individu menceburi kerjaya keusahawanan.

KESIMPULAN

Pengenalan Program Tunas Niaga (PROTUNe) di sekolah menengah adalah untuk memupuk kecenderungan pelajar menceburi kerjaya keusahawanan. Program ini juga mampu menjadi pemangkin untuk menggalakkan Bumiputera bergiat aktif dalam kerjaya keusahawanan. Usaha Kerajaan Negeri Terengganu menyediakan kawasan perniagaan moden yang dikenali sebagai 'Night Market' di Kampung Tanjung bertujuan memberi peluang kepada peniaga berniaga di tempat selesa di bandar dan berbaloi jika mendapat tarikan dari golongan belia lepasan PROTUNe untuk turut serta menjalankan aktiviti keusahawanan. Penglibatan dan pendedahan pelajar sekolah menengah dalam aktiviti keusahawanan ketika mengikuti aktiviti PROTUNe yang membimbing diri mereka untuk menjadi seorang usahawan

boleh memenuhi harapan Kerajaan melihat golongan belia Negeri Terengganu membina masa hadapan lebih baik. Kajian ini berharap Kerajaan meneruskan PROTUNe dan menyokong penuh usaha memupuk kecenderungan pelajar sekolah menengah menceburi kerjaya keusahawanan agar mereka sentiasa dekat dengan perniagaan. Oleh demikian, masalah sosial seperti merempit, lumba haram, gengsterisme, seks bebas, penyalahgunaan dadah, ponteng sekolah dan militan dalam kalangan belia dapat dibendung dengan baik.

CADANGAN DASAR

Pembelajaran keusahawanan secara *hands-on* selama sembilan bulan dalam Program Tunas Niaga (PROTUNe) memainkan peranan penting kerana dapat membimbing dan mencungkil bakat pelajar yang terpendam agar mereka cenderung menceburi kerjaya keusahawanan. Walaupun program ini tidak bertujuan untuk menjadikan kesemua ahli PROTUNe menjadi usahawan, namun semangat yang terdapat dalam diri mereka seperti mempunyai pemikiran keusahawanan perlu diterapkan secara lebih serius dan kekal diadakan di sekolah. Program ini perlu diteruskan kerana memberi nilai tambah kepada pelajar dan dapat melahirkan lebih ramai usahawan muda pada masa hadapan.

Di samping itu, Kerajaan Persekutuan perlulah menyediakan peruntukan kewangan tahunan kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi setiap negeri yang mengadakan PROTUNe supaya perancangan aktiviti program ini berjalan dengan baik. Aktiviti PROTUNe mampu melahirkan pelajar yang berpotensi ke arah kerjaya keusahawanan kerana kecenderungan dan bakat mereka boleh dimajukan menerusi program ini. Selain itu, PROTUNe juga memberi ruang kepada pelajar melakukan aktiviti yang lebih berfaedah dan menyumbang keuntungan kepada kedua-dua belah pihak sama ada pelajar dan Kerajaan. Program ini bertanggungjawab melahirkan pelajar untuk memenuhi keperluan masyarakat dan negara serta mengelakkan mereka menganggur selepas menamatkan persekolahan.

Selain itu, Bahagian Pembangunan Usahawan di Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) perlu memperbanyakkan lagikursus motivasi dan seminar keusahawanan kepada ahli PROTUNe melalui kerjasama dengan pihak lain seperti institusi kewangan dan Majlis Amanah Rakyat. Di samping itu, bekas ahli PROTUNe yang menjadi usahawan boleh dijemput

hadir sebagai penceramah kursus dan seminar untuk berkongsi pengalaman, tunjuk ajar dan memberi motivasi kepada ahli program supaya dapat membina pandangan positif mengenai kerjaya keusahawanan. Hasilnya, kecenderungan ahli program akan menjadi lebih baik setelah mengikuti kursus motivasi dan seminar keusahawanan.

Selain itu, Bahagian Pembangunan Usahawan di PMINT juga boleh mengadakan karnival keusahawanan dengan menjemput tokoh usahawan membuat pameran dan taklimat mengenai perniagaan mereka supaya dapat membuka minda ahli PROTUNe dan mengenali syarikat besar secara lebih dekat. Cara ini dapat mendedahkan ahli PROTUNe tentang kerjaya keusahawanan dari aspek lebih praktikal dan bukan hanya sekadar pembelajaran teori dan amali dalam program sahaja. Pendedahan ini amat berguna kerana ketika ekonomi negara mengalami kemelesetan boleh menyebabkan generasi muda mulai buntu mencari pekerjaan dan tidak tahu bagaimana hendak menceburi kerjaya keusahawanan. Oleh itu, adalah amat wajar ahli PROTUNe perlu diberi kesedaran mengenai realiti keusahawanan supaya selepas menamatkan persekolahan mereka tahu bagaimana membuka perniagaan sendiri.

Di samping itu, sikap pengetua yang malas menggalakkan pelajar supaya mengikuti PROTUNe menjadi punca program ini di sekolah tertentu tidak dapat bergerak dengan baik. Ada juga guru pembimbing PROTUNe mengambil pelajar menyertai program ini mengikut kehendak hatinya. Sikap negatif ini mengakibatkan pelajar yang tidak memenuhi kehendak hati guru pembimbing tetapi mempunyai kecenderungan terhadap keusahawanan tersisih dan potensinya hilang kerana bakat terpendam mereka tidak dapat diasuh menerusi PROTUNe. Maka pihak Bahagian Pembangunan Usahawan perlulah memantau pergerakan PROTUNe untuk mengelakkan masalah ini dari terus berulang pada masa hadapan supaya bakat pelajar tidak tercicir dan merugikan negara.

Akhir sekali, kajian ini mencadangkan agar pihak Bahagian Pembangunan Usahawan menjemput lebih banyak lagi sekolah menengah kelolaan Jabatan Pelajaran Negeri, Yayasan Terengganu dan Jabatan Hal Ehwal Agama mengadakan program ini. Penambahan sekolah menyertai program ini dapat mencungkil dan mengasah lebih banyak lagi bakat pelajar supaya

menjadi usahawan muda pada masa hadapan. Harapan ini selaras dengan matlamat Kerajaan yang menginginkan lebih ramai generasi muda menceburi kerjaya keusahawanan sebagai satu cara untuk mengubah taraf hidup rakyat, membangunkan komuniti dan menjadi jentera penggerak ekonomi negara ke arah lebih baik.

BATASAN KAJIAN

Beberapa batasan perlu diambil kira ketika mentafsir hasil penemuan kajian ini. Kajian ini menggunakan instrumen borang soal selidik yang hanya merakam maklumat berkaitan kecenderungan pelajar dan tidak boleh mengetahui tingkah laku sebenar. Justeru, datayang dilaporkan dalam kajian ini tidak semestinya sama dengan tingkah laku sebenar. Oleh itu, data ini hanya membenarkan penyelidik membuat kesimpulan dengan berhati-hati bagaimana pelajar yang mengikuti program keusahawanan di sekolah menengah cenderung menceburi kerjaya keusahawanan.

Selain itu, pelajar menjadi sampel kajian ini hanya terdiri daripada sub seksyen komuniti yang melibatkan diri dalam Program Tunas Niaga (PROTUNe). Pelajar ini dipilih kerana mereka mempunyai latar belakang keusahawanan merupakan sampel terbaik sebagai individu yang mendapat pengetahuan, pendedahan, pengalaman dan kebarangkalian lebih tinggi menjadi usahawan baharu muncul pada masa hadapan. Maklum balas mereka dapat menjawab persoalan mengapa wujud sebahagian pelajar sekolah mempunyai kecenderungan menceburi kerjaya keusahawanan dan sebahagiannya lagi cenderung ke arah pekerjaan lain.

Dapatan kajian ini menawarkan beberapa peluang penyelidikan masa hadapan supaya dapat memajukan pengetahuan tentang faktor-faktor peramal untuk meramal kecenderungan pelajar menceburi kerjaya keusahawanan. Antaranya ialah faktor-faktor peramal kajian ini hanya dapat menerangkan sebanyak 39 peratus varian dalam kecenderungan keusahawanan pelajar sekolah menengah yang mengikuti PROTUNe. Oleh itu, masih terdapat ruang yang luas bagi penyelidik kajian akan datang untuk meneroka dan menggabungkan faktor peramal lain dalam usaha meningkatkan kecenderungan pelajar sekolah menengah supaya menceburi kerjaya keusahawanan.

RUJUKAN

- Ahmad Mahzan Ayob. 2002. *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Edisi kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahu Tugba Karabulut. 2016. Personality traits on entrepreneurial intention. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 229: 12-21.
- Ajzen, I. 1991. The theory of planned behavior. *Journal Organizational Behavior and Human Decision Processes*: 179-211.
- Asri Sarmejan. 2007. Sikap pelajar Melayu di dua buah sekolah menengah harian di Daerah Johor Bahru terhadap bidang keusahawanan. Laporan kertas projek Sarjana Muda, Teknologi Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Buerah Tunggak & Zoolhilmi Ahmed. 2015. Pengaruh faktor latar belakang terhadap orientasi sikap keusahawanan dalam kalangan usahawan belia Bumiputera Muslim. *Jurnal Akademika* 85 (2): 29-43.
- Chigunta, F. 2002. *Youth Entrepreneurship: Meeting the Key Policy Challenges*. Wolfson College: Oxford University. England.
- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1: Kaedah Penyelidikan*. McGraw-Hill Education Sdn. Bhd.
- Fraenkel, J. R. & Wallen, N. E. 2006. *How to Design and Evaluate Research in Education*. 6th edition. New York: McGraw-Hill.
- Godsey, L. M. & Sebor, T. C. 2010. Entrepreneur role models and high school entrepreneurship career choice: Results of a field experiment. *Journal Small Business Institute* 5: 83-125.
- Guru Pembimbing Program Tunas Niaga. 2014. Senarai Ahli Program Tunas Niaga Sekolah Pembimbing Program Tunas Niaga Sekolah Menengah Kebangsaan dan Sekolah Menengah di Negeri Terengganu.
- Hanina H. Hamsan, Tan Poh Mae & Jumali Hj. Selamat. 2010. Stres dan pencapaian akademik mahasiswa pembangunan manusia di Universiti Putra Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar* 13 (Jun): 57-72.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2009. *Siaran Khas Penyiasatan Tenaga Buruh - Usahawan di Malaysia (Siri 4 Bil. 1/2009)*. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2011. *Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 2010*. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Kerajaan Negeri Terengganu. 2006. Rancangan Struktur Negeri Terengganu - 2020. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu. Portal rasmi Kerajaan Negeri Terengganu. http://www.terengganu.gov.my/maxc2020/appshare/widget/rancangan_2020.php Retrieved on: 13 Oktober 2016.
- Kolvereid, L. 2016. Preference for self-employment: Prediction of new business start-up intentions and efforts. *The International Journal of Entrepreneurship and Innovation* 17(2): 100-109.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. 1970. Determining sample size for research activities. *Education and Psychological Measurement* 30: 608.
- Mohd Hizam Hanafiah, Sh. Usman Yousaf & Noor Azuan Hashim. 2016. Entrepreneurs' intention to invest in current business: An empirical study of Malaysian SME entrepreneurs. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 12 (2): 119-131.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. 1999. *Penyelidikan Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Nurdan Colakoglu & Izlem Gozukara. 2016. A comparison study on personality traits based on the attitudes of university students toward entrepreneurship. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 229: 133-140.
- Oguntimehin, Y. Abiodun & Olaniran, O. Oyejoke. 2017. The relationship between entrepreneurship education and students' entrepreneurial intentions in Ogun State-Owned Universities, Nigeria. *British Journal of Education* 5(3): 9-20.
- Pamela, F. R. 2010. Determinants of entrepreneurial attitudes and intentions amongs high school students in Iligan City, Southern Philippines. *Proceeding 2nd International Conference on Entrepreneurship*. Vistana Hotel, Kuala Lumpur.
- Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu. 2013. Sejarah/Latar belakang PMINT. Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu.
- Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu. 2014. Arkib berita: Taklimat Program Tunas Niaga (PROTUNE) 2014 Pengetua-pengetua. Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu.

- Program Tunas Niaga. 2014. Sejarah Program Tunas Niaga. Portal Program Tunas Niaga. <http://www.tunasniaga.gov.my/index.php/2014-11-14-06-10-36/sejarah>. Retrieved on: 14 November 2014.
- Rantanen, T., Pawlak A. & Toikko, T. 2015. The significance of social welfare attitudes in young people's entrepreneurial intentions. *Entrepreneurial Business and Economics Review* 3 (1): 43-60.
- Ravi Nagarathanam & Nor Aishah Buang. 2016. The relationship between attitude, intention, and entrepreneurship career choice among Malaysian Indian undergraduates. *Journal Akademika* 86 (2): 43-52.
- Tih Sio Hong, Rozita Amiruddin, Rafli Che Omar Ahmad, Mohd Radzuan Rahid & Zaimah Darawi. 2009. Characteristics and entrepreneurial intention of secondary school students. Paper presented at Proceedings of the National Conference of Malaysia IV (PEKEMA IV), organized by School of Economics, Faculty of Economics and Management, National University of Malaysia
- Unit Perancang Ekonomi. 2006. *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Unit Perancang Ekonomi. Jabatan Perdana Menteri. Putrajaya.
- Zaidatul Akhmaliyah Lope Pihie & Hisyamuddin Hassan. 2009. Choice of self-employment intentions among secondary school students. *Journal of International Social Research* 2 (9): 539-549.
- Zarina Md Nor & Zuraida Ramli. 2016. A glimpse at women entrepreneurs in Penang. *Akademika* 86(2): 79-86.
- Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang
Unit Institut Darul Iman
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Nerus, Terengganu
Malaysia.
E-mail: wzaifurin@yahoo.com
- Ibrahim Mamat (corresponding author)
Unit Institut Darul Iman
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Nerus, Terengganu
Malaysia.
E-mail: mibrahim30@gmail.com
- Nor Hayati Sa'at
Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Lestari/
Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi
Universiti Malaysia Terengganu
21030 Kuala Terengganu, Terengganu
Malaysia.
E-mail: norhayati@umt.edu.my

Received: 1 Febuary 2017

Accepted: 30 Ogos 2018

